

7 MAC 2018

Dua beranak 'lalok' bersama

SINAR HARIAN • RABU 7 MAC 2018

39

SETEMPAT

Dua beranak 'lalok' bersama

Ditangkap di sekitar Jeti LKIM, Kuala Dungun

NURULZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN

Seorang bapa dan anaknya antara 51 penagih yang ditahan dalam operasi bersepadu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di sekitar daerah ini, semalam.

Ops bersepadu berkenaan dijalankan dengan kerjasama polis Dungun bermula jam 6.00 pagi hingga petang.

Pemuda berusia 28 tahun dan bapanya 50 tahun dice-



Remaja tidak seketah (belakang) turut dicekup positif dadah.

kup ketika sedang 'lalok' di port panas di sekitar Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Dungun.

Pemuda berkenaan berkata, angkara dadah dia sudah enam kali ditahan polis tetapi tidak pernah serik.

Katanya, bukan sekadar menagih dadah tetapi dia turut terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah kerana pendapatannya lumayan. "Senang dapat duit kalau jual benda ni, biasanya RM100 hingga RM300 sehari,"

akuinya yang turut mengam-bil pil kuda dan heroin.

Ditanya adakah serik ditangkap lagi, dia sukar memberikan jawapan dan perkara itu dilihat menjadi satu keseronokan baginya.

"Nampak senang cari duit

ikut cara ni dan memang rasa seronok. Tapi bila kena tangkap tak seronoklah.

"Bukan ayah saya yang ajar benda ni tetapi sebab lain puncanya," katanya.

Dalam pada itu, seorang remaja tidak bersekolah turut

ditahan dalam operasi itu. Katanya, termasuk kali ini, sudah dua kali dia ditahan dan mengakui terjebak kerana pengaruh rakan.

"Saya bimbang mak ayah tahu kena tangkap dan mesti mereka marah," katanya.



Anak beranak yang ditahan dalam operasi itu.